

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 14HB JANUARI, 1982, PUKUL 2.30 PETANG

Bil.28

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- * 1 . Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada syarikat-syarikat yang diberi kelulusan dan mendapat manfaat di bawah rancangan penyusunan semula pemilikan modal dalam sektor syarikat disyaratkan bahawa bilangan pengarah-pengarah syarikat-syarikat ini mengandungi sekurang-kurangnya 30% kaum bumiputra.
- * 2 . Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh manakah faedah-faedah atau kemajuan Mini-mini Estate getah RISDA yang terdapat di seluruh negara yang dapat dinikmati oleh pekebun kecil dan berapa banyakkah lagi Mini Estate seumpama itu akan dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.
- * 3 . Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengawal kadar-kadar bayaran yang dikenakan oleh peguam-peguam swasta berhubung dengan dokumen-dokumen.
- * 4 . Datuk Choo Ching Hwa minta Perdana Menteri menyatakan adakah suatu garis panduan atau peraturan-peraturan seragam bagi badan-badan berkanun supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka secara berkesan dan bebas, jika tidak, sama ada Lembaga badan-badan tersebut mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan kewajipan mereka di bawah Ordinan-ordinan yang berkenaan.
- * 5 . Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan menetapkan tarikh jatuhnya Hari Raya Puasa tanpa menyaksikan Anak bulan Syawal bersama dengan Indonesia dan Singapore pada tahun hadapan.
- * 6 . Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Akta Kerakyatan Malaysia sudah dikaji semula memandangkan adanya sejumlah mereka yang telah diberikan kerakyatan menuntut pula hak asasi Bumiputra.
- * 7 . Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelajar-pelajar yang terdiri bukan rakyat Malaysia telah mendapat biasiswa dan jika benar nyatakan jumlah biasiswa yang telah diberikan dari Kerajaan Pusat, dan dari Badan Berkanun dan apakah syarat-syarat yang dikenakan pada pelajar-pelajar bukan rakyat Malaysia untuk mendapat biasiswa tersebut.
- * 8 . Tuan K.Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dicapai menjelang tahun 1990. Jika ya, apakah peratus pencapaian rakyat keturunan India dalam memiliki saham-saham di sektor-sektor corporate dalam DEB.

- *9. Dr. Choo Kooi Fook minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebab hasil denda di Bandaraya bertambah lebih dua kali ganda iaitu dari \$659,913.00 dalam tempoh lhb Januari hingga 31hb Julai tahun lalu menjadi \$1,570,150.00 dalam jangkamasa yang sama tahun ini.
- *10. Tuan V.V.Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:
- (a) jumlah mereka yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tahun 1980 dan 1981;
 - (b) daripada jumlah tersebut, jumlah mereka yang telah dibebaskan dan jumlah yang sedang di dalam proses untuk dibebaskan?
 - (c) adakah seseorang yang dibebaskan tanpa syarat setelah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan sentiasa di dalam perhatian dan pengawasan polis; dan
 - (d) sama ada Kerajaan dapat mempastikan bahawa setiap mereka yang telah insaf dan dibebaskan dari tahanan dr bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, akan mendapat kembali kerja dan dapat diterima oleh masyarakat.
- *11. Tuan S.Subramaniam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menggantikan tanah termasuk padang TPCA (Tamil Physical and Cultural Association) yang telah diambil alih oleh Kerajaan, dengan tanah yang lain, memandangkan sumbangan besar yang telah diberi oleh Persatuan TPCA sebagai Persatuan Sukarela kepada kemajuan sukan dalam negara kita, supaya Persatuan itu dapat meneruskan peranan dan sumbangaminya.
- *12. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab kelewatan dalam projek pembinaan tambahan kepada lapanganterbang Kuala Trengganu yang telah dirancang semenjak dari Rancangan Malaysia Kedua yang lalu dan nyatakan bilakah tarikh yang tepat projek ini dijangka siap dan boleh digunakan.
- *13. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga barang-barang keperluan terlampaui mahal di Mekah pada musim Haji tahun lepas (1981) dan jika sedar, adakah Kerajaan akan mengkaji dan mengatasi masalah ini bagi kemudahan bakal-bakal Haji pada tahun hadapan.
- *14. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah pihak Bandaraya merancang untuk menyediakan kawasan-kawasan yang sempurna untuk dizonkan sebagai kawasan-kawasan perusahaan ringan dan perusahaan-perusahaan pondok yang kini ujud di Kuala Lumpur dan sekiranya kawasan-kawasan ini belum disediakan, sama ada Bandaraya tidak akan mengeluarkan saman-saman kepada mana-mana perusahaan-perusahaan ringan dan perusahaan-perusahaan pondok yang telah menjalankan perniagaan sejak beberapa tahun dan juga bertanggungjawab memberi pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk di Kuala Lumpur.
- *15. Datuk G.Pasamanickam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai dari kalangan India yang telah lama memohon menjadi peneroka PELDA terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya untuk sampai giliran mereka dan memandangkan keadaan ini apakah tindakan Kementerian untuk mempercepatkan lagi penempatan mereka di rancangan-rancangan FELDA.

- *16. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada satu rancangan konkrit sudah dibuat untuk menjamin bahawa 30% dari bangunan-bangunan di Kuala Lumpur diuntukkan kepada Bumiputra' jika ya, bila dan jika tidak mengapa.
- *17. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak minyak dijumpai dalam Negeri Trengganu dan diusahakan ramai telah datang ke negeri tersebut sama ada melalui darat atau udara, dan jika ya, nyatakan di sepanjang tahun 1981:
- (a) bilangan penerbangan MAS berulangalik dari Kuala Trengganu ke Kuala Lumpur;
 - (b) bilangan penerbangan tersebut dalam sehari;
 - (c) jenis kapalterbang yang digunakan dan bilangan penumpang dalam setiap penerbangan? dan
 - (d) jumlah penumpang MAS di sepanjang tahun tersebut; dan nyatakan bilangan penerbangan MAS dari seluruh Malaysia yang membuat penerbangan ke Kuala Trengganu dalam tahun 1981.
- *18. Datuk G.Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kementerian sudah mengambil keputusan untuk mengisytiharkan Hari Thaipusam (Perayaan Kaum India) sebagai Hari Kelepasan Am Wilayah Persekutuan, memandangkan negeri Pulau Pinang dan Selangor sudahpun berbuat demikian.
- *19. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dari dahulu hingga kini kita masih kedengaran kaum nelayan negara ini sentiasa diancam oleh lanun-lanun di laut dan nelayan-nelayan asing merosakkan bubu-bubu dan unjang-unjang mereka:
- (a) sejauh manakah kesan rondaan pantai yang dilakukan oleh pihak Polis Merin;
 - (b) adakah rondaan itu akan diperkuatkan lagi dengan menambah bilangan bot-bot ronda dan anggotanya;
 - (c) benarkah banyak bot-bot ronda Polis Merin kita tersadai di beberapa pengkalannya menyebabkan berlaku kekurangan bot-bot untuk tujuan itu; dan
 - (d) adakah Kerajaan hendak memperbesarkan lagi pasukan Polis Merin ini memandangkan keadaan pembangunan negara yang semakin pesat sekarang ini.
- *20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengemukakan nama-nama firma swasta yang masih enggan mematuhi dasar Kerajaan dalam usaha mengimbangkan pegawai-pegawai eksekutif Bumiputra dan bukan Bumiputra dan apakah tindakan Kerajaan terhadap firma terlibat.
- *21. Tuan M.Mahalingam minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (i) jumlah syarikat-syarikat insuran tempatan yang ditubuhkan dalam tahun 1980; dan
 - (ii) jumlah aset bergabungan syarikat-syarikat insuran dalam tahun 1980. Dengan pengerahan kewangan untuk Kemajuan ekonomi, nyatakan sama ada Menteri berpuas hati atau tidak atas saluran modal syarikat-syarikat insuran bagi maksud pembangunan ekonomi negara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

- | | | | |
|----|------------|---|---------------------------|
| 1. | (DR.18/81) | Bang Undang-undang Mahkamah Kehakiman
(Pindaan) - Menyambung semula Perbahasan
atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang
ini dibacakan kali yang kedua sekarang."
(13hb Januari, 1982) | |
| 2. | (DR.22/81) | Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil
(Pembahagian)(Pindaan) | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (DR.19/81) | Rang Undang-undang Keistimewaan
Diplomatik (Konvensyen Vienna)(Pindaan) | ** |
| 4. | (DR.23/81) | Rang Undang-undang (Perancangan)
Wilayah Persekutuan | tf |
| 5. | (DR.24/81) | Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan
(Pindaan) | II |
| 6. | (DR.21.81) | Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) | II |

/sh

RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

1981

Tarikh dibentangkan

ST. 205

Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan
1979 - Lembaga Kemajuan Kelantan
Selatan (KESEDAR)

14hb Januari, 1982

/fh.